

28 FEB 2004

Abdullah-Islam

ADA PIHAK MASIH KATA USAHA PEMBANGUNAN BUKAN FARDU KIFAYAH, KATA
ABDULLAH

KEPALA BATAS, 28 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri
Abdullah
Ahmad Badawi kesal kerana masih ada pihak yang berkata pembangunan
negara
dan ummah yang dilaksanakan oleh kerajaan selama ini bukan fardu
kifayah
yang dituntut oleh agama Islam.

Beliau berkata, walaupun kerajaan memberi keutamaan kepada
pembangunan
negara dalam pelbagai bidang seperti yang dituntut oleh agama, ia
masih
dituduh kurang memberi perhatian kepada pembangunan negara Islam.

"Semua perkara yang dilakukan kerajaan tidak pernah dilihat
sebagai
pembangunan negara Islam. Ia tidak dilihat sebagai pembangunan yang
dituntut oleh agama dan ia tidak dilihat sebagai fardu kifayah,"
katanya
ketika berucap merasmikan `Islam Hadhari' iaitu program pengurusan
negara
Islam peringkat negeri di sini, hari ini.

Pembangunan yang meliputi pelbagai bidang seperti infrastruktur,
pendidikan, ekonomi, sosial, sains dan teknologi adalah dituntut
agama
untuk membolehkan sesebuah negara berkembang, maju dan berjaya dalam
pelbagai bidang.

Katanya, semua yang dilaksanakan itu berlandaskan ajaran Islam
kerana
Islam mengajar umatnya supaya membuat perancangan yang betul serta
berlaku
adil kepada masyarakat berbilang kaum dan agama.

Semua pihak perlu memahami bahawa kerajaan tidak pernah
mengasingkan
ataupun menafikan pembangunan serta hak kaum-kaum lain di negara ini
dan
melaksanakannya secara bersama-sama.

Selain itu, Abdullah berkata, beliau mengikuti perjuangan
melalui Umno
yang diwarisi daripada bapa dan datuknya yang mengutamakan
perjuangan untuk
masa depan agama, bangsa dan negara.

Beliau berkata, perjuangannya mengutamakan masa depan dan
kebaikan
negara Islam melalui pendekatan dan hikmah yang berbeza daripada
negara-negara lain.

"Tidak ada salahnya kita menggunakan hikmah yang bersesuaian
dengan

negara kita asalkan akidah dan tauhid tidak berubah. Kita gunakan hikmah yang bersesuaian dengan negara kita yang mempunyai masyarakat berbilang kaum," kata beliau.

Beliau berkata, hikmah yang digunakan itu ialah melalui kerjasama, berkongsi kuasa dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

"Inilah cara Malaysia yang tidak wujud di negara-negara lain. Negara ini bukanlah negara sekular atau assabiyah yang mementingkan keluarga sendiri atau kaum sendiri sahaja," katanya.

Perdana Menteri berkata, adalah tidak adil menuduh kerajaan tidak mempedulikan usaha mengembangkan ajaran Islam sedangkan kerajaan tetap menjaga kesucian agama Islam serta membenarkannya diajar di sekolah-sekolah.

Penerapan Islam dalam pembangunan ummah telah dilaksanakan sejak negara mencapai kemerdekaan lagi dan ia tidak pernah terhenti di tengah-tengah jalan.

Pembangunan yang telah dilaksanakan itu perlu disemak dan perbetulkan semula supaya selari dengan keperluan dan tuntutan semasa bagi mencapai matlamat yang ditetapkan, katanya.

Hasil usaha kerajaan itu berjaya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang bersatu-padu, mengamalkan semangat muhibbah dan saling hormat-menghormati serta mewujudkan masyarakat penyayang.

Beliau berkata, sebagai kerajaan penyayang, kerajaan juga mengambil berat mengenai masalah rakyat miskin serta kurang upaya serta mengutamakan pendidikan untuk melahirkan lebih ramai rakyat berilmu pengetahuan bagi mengurangkan jurang perbezaan ekonomi antara mereka.

Abdullah berkata, melalui pendidikan juga, beliau berhasrat untuk membantu golongan daif yang masih wujud di negara ini untuk membolehkan negara muncul sebagai negara maju.

Katanya, sebagai Perdana Menteri yang mewarisi negara yang berjaya, aman, makmur serta stabil, beliau perlu menguruskan negara ini sebaik-baiknya bagi memastikan kejayaannya dapat diteruskan lagi.

"Saya perlu memastikan golongan miskin keluar daripada

kemiskinan mereka, memastikan kejayaan negara yang ditinggalkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad dapat diteruskan serta menjadikan negara lebih maju di masa depan," katanya.

Abdullah berkata beliau perlu memberi tumpuan kepada pelbagai perkara yang berhubung kait dengan masyarakat seperti kecekapan perkhidmatan kerajaan, menghapuskan rasuah serta memastikan pengurusan ekonomi yang lebih berhemat.

Pada akhir ucapan selama hampir dua jam itu, Abdullah turut meminta semua pihak supaya memahami konsep Islam Hadhari iaitu Pengurusan Negara Islam yang memerlukan mereka terus berusaha, bekerja bersungguh-sungguh dan bekerjasama.

"Kita jangan berhenti berikhtiar dan bekerja bersungguh-sungguh. Marilah bekerjasama dengan saya untuk masa depan agama, bangsa dan negara," katanya disambut tepukan gemuruh lebih 20,000 orang yang hadir.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Hilmi Yahaya, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Khalid Ramli, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

-- BERNAMA
SA PR